



Program Khas JEPUN, KOREA, PERANCIS, JERMAN (JKPJ)

DESKRIPSI PROGRAM

Program Khas Jepun, Korea, Perancis dan Jerman (JKPJ) merupakan program penajaan JPA kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dalam bidang Kejuruteraan, Sains dan Teknologi (S&T) dan Sains Sosial ke negara Jepun, Korea, Perancis dan Jerman. Pelajar akan ditaja untuk mengikuti pengajian peringkat persediaan sebelum melanjutkan pengajian peringkat Diploma atau Ijazah Pertama di negara-negara berkenaan.

MEKANISMA PENAJAAN

Penajaan program ini adalah dalam bentuk Pinjaman Boleh Ubah (PBU).

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- Warganegara Malaysia.
- Mempunyai kesihatan yang baik.
- Permohonan dibuka untuk calon-calon lepasan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) buat kali pertama.
- Ibu dan/atau bapa tidak disenarai hitam oleh JPA atau sedang dalam tindakan undang-undang oleh pihak JPA.
- Tidak menerima bantuan kewangan/tajaan dari mana-mana pihak di peringkat pengajian yang sama.
- Memenuhi syarat minimum pencapaian akademik di peringkat SPM mengikut bidang dan negara pengajian.

Nota: Syarat-syarat permohonan adalah tertakluk kepada dasar penajaan yang akan dimaklumkan dalam iklan penawaran tajaan terkini.



BIDANG PENGAJIAN

- Kejuruteraan dan Teknikal
- Sains & Teknologi
- Sains Sosial

CARA PERMOHONAN

- Permohonan dibuka secara dalam talian di Portal Rasmi Pembangunan Modal Insan JPA <https://esilav2.jpa.gov.my/> pada tarikh yang akan dimaklumkan dalam iklan penawaran tajaan.

MAKLUMAT PERHUBUNGAN

- E-mel: penawaranisp@jpa.gov.my
- Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA): <https://jpa.spab.gov.my/eApps/system/index.do>

